



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2020

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1  
Oktober 2020

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.  
Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak


SULIT

**Bahagian A****[30 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]**

*Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah kitar semula. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

**FAEDAH-FAEDAH KITAR SEMULA**

Sumber pendapatan sampingan



Melestarikan alam sekitar



Menggunakan bahan buangan semula

**Bahagian B****[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

**Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Pelbagai masalah yang timbul dalam kalangan remaja seperti masalah keluarga, masalah pembelajaran dan masalah rakan sebaya. Keadaan ini menimbulkan tekanan atau stres kepada remaja.

Huraikan langkah-langkah yang wajar anda lakukan untuk menangani stres.

2. Teknologi siber kini semakin berkembang maju. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengawal kecenderungan anak-anak melayari Internet.

Jelaskan peranan ibu bapa untuk mendidik anak-anak memanfaatkan Internet dalam kehidupan mereka.

3. Perjuangan nenek moyang sejak dahulu untuk mempertahankan negara dibina hasil perpaduan kaum. Sehubungan dengan itu, perpaduan hendaklah dikekalkan demi kepentingan generasi akan datang.

Huraikan usaha-usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mengekalkan perpaduan kaum.

4. Pelaburan merupakan antara sumbangan utama pendapatan sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, negara yang sedang membangun melakukan pelbagai usaha untuk menarik pelabur asing.

Bincangkan cara-cara yang dapat dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk menarik minat pelabur asing melabur di negara kita.

5. Karya sastera kelihatan semakin dipinggirkan oleh golongan remaja.

Cadangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk memupuk minat murid terhadap karya sastera.



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2020

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2  
OKT 2020  
2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

---

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca seseorang menghidap nomofobia dan langkah-langkah seseorang mengelakkan diri daripada menjadi mangsa nomofobia. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Nomofobia bermaksud ketidakselesaan, ketakutan dan kebimbangan seseorang untuk hidup tanpa berhubungan dengan telefon bimbit. Istilah nomofobia mula digunakan dan diperkenalkan apabila kajian yang dijalankan di United Kingdom (UK) mendapati bahawa pengguna telefon pintar mula berasa bimbang apabila kehilangan telefon pintar dan kehabisan bateri. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kehabisan kredit dan tidak mempunyai liputan meluas juga menimbulkan kebimbangan. Dalam hal ini, nomofobia amat berkait rapat dengan tahap kebergantungan dan ketagihan seseorang terhadap telefon pintar. Tanpa telefon pintar di tangan, situasi yang berlainan akan menjaskan emosi seseorang.

Dari aspek yang lain pula, seseorang itu menjadi nomofobia apabila tidak yakin atau takut untuk bersosial dengan orang di sekeliling. Golongan ini berusaha untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan aktiviti yang boleh mendedahkan dirinya kepada orang ramai seperti perbincangan atau persembahan. Maka, mereka memerlukan satu saluran sebagai alat bantuan untuk berkomunikasi dengan alam maya. Penghidap nomofobia juga disebabkan oleh andaian bahawa diri mereka lebih berjaya berkomunikasi menggunakan telefon pintar berbanding dengan berkomunikasi secara nyata atau bersemuka. Hal ini dikatakan sebegini lantaran peranti elektronik tersebut menjadikan mereka lebih selamat dan selesa untuk mewujudkan perhubungan sosial. Seterusnya, komunikasi yang melibatkan hubungan jarak jauh juga menjadi faktor penyebab hal ini. Menerusi cara ini, penghidap nomofobia dapat memberitahu keberadaan dan keadaan dirinya apabila terdapat urusan penting.

Sementara itu, perasaan takut apabila tidak mampu mengekalkan hubungan dengan orang lain menyebabkan nomofobia berlaku. Sebagai contohnya, apabila penghidap nomofobia tamat belajar atau mula bekerja, telefon pintar menjadi alat untuk terus berkomunikasi malah, telefon pintar mampu menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengguna juga menjadi punca kepada penyakit ini. Perkara ini bermaksud, jika sesuatu kemudahan yang menjadi rutin harian hilang, pengguna akan berasa risau dan bimbang serta berada dalam *situasi janggal* melakukan aktiviti harian mereka.

Nomofobia juga boleh terjadi disebabkan oleh perasaan bimbang jika tidak mampu mencari maklumat yang diinginkan. Perkara ini biasanya terjadi kepada individu yang ingin mencari pelbagai maklumat dan sumber rujukan untuk menyiapkan kerja atau tugas. Begitu juga jika pencarian sesuatu maklumat sangat penting untuk memudahkan urusan atau melakukan tindakan lanjut. Jika keadaan menjadi lebih kronik, penghidap nomofobia akan mengalami gangguan psikologi yang serius. Selain itu juga, mereka bakal berhadapan dengan masalah kesukaran berfokus dan insomnia. Seyogianya, penghidap nomofobia perlu mendapatkan rawatan yang sewajarnya sebelum menjadi lebih parah kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Nomofobia Ketagihan Telefon Pintar'  
oleh Mudiana Mokhsin@Misron  
*Dewan Kosmik, bil. 4 2019*

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *situasi janggal*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang dialami oleh penghidap nomofobia. Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
- (iii) Penggunaan pelbagai alat peranti elektronik semakin mendapat perhatian dalam masyarakat kita untuk pelbagai tujuan.  
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelbagai pihak supaya alat peranti elektronik dapat digunakan dengan bijak. [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Troli penyelamat diheret ke sisi, defibrillator menggetarkan jantung mengalirkan kuasa 20 Joule. Tubuh lelaki tua yang bermulut hamis dek minuman keras terketar-ketar sebelum kaku semula di katil.

Masya-Allah, betapa agungnya tubuh Tuan Besar Musa.

“Dia sepatutnya tidak mati sebelum acara jamuan tahunan. Kelab akan kehilangan RM100 ribu. Huh!” Profesor Doktor Juaidi terhenyak di kerusi. Tajam mata liar garangnya menangkap wajah lembut Doktor Murni. “Tulis laporan kematian Tuan Besar Musa. Ke mana perginya lima pek darah yang saya tahu ada di bank darah pagi tadi?” Suaranya memetir.

“Prof.”

Tidak percaya aku. Doktor Murni boleh tersenyum semanis tu. “Ini surat peletakan jawatan saya. Tidak cukup menjadi doktor manusia, saya mahu menjadi doktor kemanusiaan juga. Kalau tiada di hospital ini, saya yakin ada di hospital lain.

Profesor Doktor Juaidi ternganga.

Doktor Murni berlari menggapai tanganku. “Nusia, kita ke bank darah. Dua pek darah daripada awak, dua pek darah daripada saya, mampu menghidupkan semua yang koma dalam Unit Rawatan Rapi kecuali Profesor Doktor Juaidi.”

Cahaya kalimantang menyinari dinding pejal Unit Rawatan Rapi. Aku tersilau dalam redup mata Doktor Murni. Seakan-akan tergema suara Munkar dan Nakir menyoal: siapa saudaramu, wahai Nusia?

Dipetik daripada cerpen ‘Gerhana Manusia’  
oleh Aminah Mokhtar,  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, nyatakan alasan Doktor Murni meletakkan jawatannya.  
[2 markah]
- (ii) Selain kelayakan dan kemahiran dalam bidang perubatan, seorang doktor perlu memiliki kekentalan jiwa dan minda.  
Pada pendapat anda, mengapakah seseorang individu yang ingin menjadi doktor hendaklah memiliki kekentalan jiwa dan minda?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Doktor Murni yang terdapat dalam petikan dan **satu** perwatakan lain Doktor Murni daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.  
[4 markah]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, "Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, 'Jangan tiada dikasihhi anakku ini,' kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung."

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, "Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat *manira alahkan* dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa."

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *manira alahkan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan perkara-perkara yang disampaikan oleh Patih Gajah Mada kepada Kertala Sari. [3 markah]
- (iii) Patih Gajah Mada melaksanakan tanggungjawab sebagai pembesar dengan amanah.

Pada pendapat anda, mengapakah Patih Gajah Mada bertindak sedemikian?

[3 markah]

**Soalan 2(d) – Puisi Tradisional**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

**KUDUP PERANG**

Sementara dia bergelar panglima  
laskar perang; yang terus-menerus  
membajakan kezaliman – sering  
mengudupkan putik dendam  
kita masih perlu berterima kasih  
kepada jari-jemari takdir  
kerana membenarkan sepasang mata  
untuk berlari dengan tangan bergari  
sempat juga menadah sejambak puisi  
untuk sehari lagi; sambil bertanya:  
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk  
ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus  
ringkik kuda, gemerincing  
pedang pusaka  
dan darah yang tiba-tiba membuat  
di daerah angkara – perciknya  
menumbuhkan kelopak rahsia  
dalam keliru, tertanya-tanya kita  
tangan mana yang memenggal  
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih  
tidak mahu  
menyanjungnya pendekar paling gagah  
kerana takhta *setia terbina*  
*di istana wangsa*  
bukanlah penjamin kukuhnya  
pasak saksama  
sesekali turut direntakan daki pendusta  
melekatlah selumbar sengsara  
di tiang maruah kota.

Andai namamu Jebat, kita masih tidak  
menggelarnya sebagai pengkhianat  
kerana kita masih menangisi  
peta keadilan yang tersiat – nun, karam  
di lautan kesumat  
sedang warga memanggilnya keramat.

Perang pun melecurkan lidah muslihat  
bercabang lalu bertemu bayu palsu;  
bertiup dan memindahkan kebenaran pada  
tempatnya  
mewarnakan keindahan pada hodohnya  
menjungkitkan amarah pada damainya  
teramat lara kita menjahit semula  
perca-perca bahagia – seperti perawan  
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,  
kita masih bertengkar  
tentang siapa  
pahlawan sebenarnya.

Dipetik daripada sajak ‘Kudup Perang’  
oleh Tuah Sujana  
dalam antologi *Sejada Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan rangkap pertama, nyatakan ciri-ciri pemimpin yang dinyatakan oleh penyajak. [2 markah]
- (ii) Anda menyokong pendapat yang menyatakan bahawa Jebat dianggap sebagai pahlawan sebenar.  
Berikan **dua** sebab anda menyokong pendapat tersebut. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam rangkap **keempat** sajak dan **satu** nilai lain dalam keseluruhan sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) datang
- (ii) kedatangan
- (iii) mendatangkan
- (iv) deras
- (v) kederasan
- (vi) menderaskan

**[6 markah]**

- (b) *Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada berpola Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).*

- (i) Lukisan tercantik itu hasil daya imaginasi tokoh pelukis tanah air yang tersohor.
- (ii) Jurulatih pasukan bola sepak Malaysia ditemu bual oleh pengacara sukan televisyen.
- (iii) Sungguh harmoni kehidupan rakyat negara ini kerana amalan bekerjasama antara kaum.
- (iv) Maklumat tentang statistik kesalahan penyalahgunaan dadah pada papan kenyataan pejabat.
- (v) Calon-calon yang akan ditemu duga untuk jawatan Pegawai Tadbir Diplomatik dari Pantai Barat.
- (vi) Dikawal rapi oleh pengawal keselamatan khas, kediaman pesuruhjaya-pesuruhjaya negara asing di negara ini.

**[6 markah ]**

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pengguna perkhidmatan televisyen berbayar pada hari ini tidak perlu merasa bimbang lagi kerana tidak memerlukan ariegal bagi mendapatkan siaran yang jelas.
- (ii) Dalam perhimpunan raksasa itu, rakyat dinasihatkan oleh Perdana Menteri supaya sentiasa bersatupadu untuk mengekalkan perpaduan yang sudah terjalin sekian lama.
- (iii) Syarikat kontrakter yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya sedang memasang lampu isyarat dan memperlebarkan jalan di taman perumahan itu untuk mengurangkan kesesakan pada waktu puncak.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Keperibadian anggun remaja dapat dikenal pasti sekiranya mereka mempunyai kemahiran atau kecekapan dalam melaksanakan sesuatu perkara.
- (ii) Pengurusan industri kritis ialah pendidikan yang menjurus kepada pengurusan acara-acara yang berbentuk seni supaya landasan kerjaya sebenar dalam bidang seni persembahan.
- (iii) Faktor keselamatan dan privasi merupakan dua perkara paling dominan sekali yang mempengaruhi keputusan pengguna untuk mengambil perkhidmatan perbankan elektronik.

[6 markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam petikan tersebut.*

Setiap orang memerlukan orang lain dalam kehidupannya. Begitu juga dalam kehidupan di kawasan perumahan kita. Oleh itu, manusia harus hidup bekerjasama dan saling membantu bagi \_\_\_\_\_ (i) \_\_\_\_\_. Amalan seumpama ini dikatakan mewujudkan kata sepakat dan menjadikan sesuatu kerja itu lebih mudah dan dapat disiapkan dengan cepat.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan masyarakat pada hari ini tidak menghiraukan semangat ini dan lebih selesa hidup bersendirian seperti \_\_\_\_\_ (ii) \_\_\_\_\_. Mereka memberikan pelbagai alasan termasuklah ketiadaan masa kerana kesibukan bekerja atau tidak mahu mencampuri urusan orang lain.

Tegasnya, dalam kehidupan bermasyarakat di negara ini kita perlu bijak dalam menyelesaikan masalah yang berlaku agar tidak timbul sebarang kesulitan. Hal ini dapat digambarkan dalam maksud peribahasa seperti \_\_\_\_\_ (iii) \_\_\_\_\_.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**  
**[15 markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Lefthenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Mat Darin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Diksina karya Nizar Parman

(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, jelaskan **dua** nilai kemanusiaan dalam novel tersebut.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, nyatakan **satu** peristiwa menarik kepada pembaca pada bahagian permulaan.

Huraikan sebab anda berpendapat sedemikian.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**